

Sistem AP dihapuskan 31 Disember 2010

KUALA LUMPUR 22 Mac - Sistem permit import (AP) kenderaan akan dihapuskan menjelang 31 Disember 2010, kata Jabatan Perdana Menteri.

Langkah itu diambil di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) yang dinantikan, yang telah diumumkan di sini hari ini.

Sistem AP, yang memperuntukkan lesen bagi syarikat-syarikat tempatan untuk mengimport kereta bagi pengedaran di negara ini, menjadi topik hangat di kalangan rakyat Malaysia berikutan dakwaan bahawa AP itu diberikan kepada syarikat-syarikat kroni dan individu-individu tertentu.

Jabatan itu berkata, buat sementara waktu, AP akan diperolehi berasaskan sumbangan ekonomi.

Katanya, AP terutamanya digunakan sebagai alat pemantauan dan pengumpulan data.



Keutamaan akan diberikan kepada pemasang-pemasang kenderaan yang mempunyai perjanjian untuk peningkatan besar dalam pengeluaran (dengan eksport yang besar) dalam model tertentu dan memerlukan AP

UM - 23/3/2008

Pengimportan kereta terpakai (selain import peribadi individu) akan dikurangkan secara progresif sehingga dimansuhkan sepenuhnya pada 2010.

untuk mengimport model-model yang lengkap dengan rangkaian produknya bagi pasaran Malaysia.

Jabatan Perdana Menteri berkata bahawa AP akan diperolehi untuk bilangan kenderaan yang terhad yang tidak dipasang di Malaysia bagi memastikan pilihan produk-produk yang mencukupi bagi para pengguna Malaysia.

Pengimportan kereta terpakai (selain import peribadi individu) akan dikurangkan secara progresif sehingga dimansuhkan sepenuhnya pada 2010 untuk merangsang permintaan kenderaan yang dikeluarkan oleh pengeluar dan pemasang tempatan.

Kerajaan juga akan menggalakkan dan memberi bantuan kepada syarikat-syarikat yang ketika ini diberikan AP untuk beralih ke bidang perniagaan lain yang berkaitan seperti pemasaran dan pengedaran kereta serta pengeluaran komponen atau vendor.

Selanjutnya, dasar dan sokongan kerajaan akan ditumpukan ke arah peserta-peserta industri automotif yang memberikan sumbangan ekonomi yang mampan.

Pendorong utama bagi sumbangan seumpama itu ialah skala ekonomi, rantaian industri yang diperkukuhkan dan ditambah yang berdaya saing.